BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Buletin Suku Tahunan BNM memberikan penilaian suku tahunan mengenai perkembangan ekonomi, monetari dan kewangan Malaysia. Penilaian ini termasuk penilaian mutakhir oleh Bank Negara Malaysia berhubung dengan hala tuju ekonomi pada masa hadapan. Buletin ini juga memberikan pemahaman tentang isu ekonomi dan kewangan semasa, termasuk sorotan penting berkaitan dengan inisiatif dasar yang dilaksanakan oleh Bank Negara Malaysia dalam memenuhi mandatnya.

Kandungan

MS5 **Sorotan Penting**

MS7 **Persekitaran Ekonomi Antarabangsa**

MS9 **Perkembangan Ekonomi Malaysia**

MS19 *Rencana 1: Import Makanan dan Kadar Pertukaran: Tidak Seperti Yang Disangka*

MS27 **Perkembangan Monetari dan Kewangan**

MS31 *Rencana 2: Harapan Terhadap Bank: Adakah Pemberian Pinjaman Mencukupi?*

MS39 **Pertimbangan Dasar oleh Bank Negara Malaysia**

MS41 **Tinjauan Makroekonomi**

MS43 **Tambahan**

Sorotan Penting
Perkembangan Ekonomi dan Kewangan pada S3 2019

KDNK berkembang 4.4% (S2: 4.9%)

Pertumbuhan permintaan dalam negeri dan sektor ekonomi utama lebih perlahan

Momentum pertumbuhan lebih perlahan merentas kebanyakan komponen permintaan dalam negeri dan eksport bersih

Penguncupan dalam sektor perlombongan dan pembinaan


Sektor perkhidmatan dan perkilangan terus menyokong pertumbuhan

Inflasi keseluruhan meningkat tetapi kekal sederhana

Inflasi keseluruhan meningkat disebabkan terutamanya luputnya kesan GST pada kadar sifar

Inflasi Keseluruhan dan Inflasi Teras[1]

tahun ke tahun, %



[1] Pengiraan inflasi teras tidak termasuk barangan yang harganya tidak menentu dan harganya ditadbir. Pengiraan juga tidak mengambil kira anggaran kesan langsung daripada perubahan dasar cukai penggunaan.

Rencana - Harapan Terhadap Bank: Adakah Pemberian Pinjaman Mencukupi?

Pembiayaan bank terus disediakan untuk peminjam yang layak

Pinjaman baharu yang diluluskan oleh bank[2]

Pinjaman Perumahan

RM119 bn kepada > 272,000 peminjam

Perusahaan Kecil dan Sederhana

RM50 bn kepada > 76,000 PKS

[2] Merujuk kepada Januari - September 2019

Sebab utama permohonan pinjaman PKS dan isi rumah ditolak


Pemohon telah pun mempunyai tahap hutang yang tinggi / hutang yang berlebihan

Pendapatan yang tidak mencukupi / isu aliran tunai

Rekod prestasi kewangan yang buruk

Rencana - Import Makanan dan Kadar Pertukaran: Tidak Seperti Yang Disangka

Import membentuk 24% daripada jumlah bekalan makanan Malaysia



Kesan kadar pertukaran terhadap harga makanan adalah terhad dan berbeza

Kadar pertukaran menerangkan satu bahagian daripada perubahan harga makanan

Kesan kadar pertukaran berbeza-beza mengikut jenis makanan

Kesan berbeza-beza bergantung kepada pola penggunaan isi rumah

Sumber: Anggaran Bank Negara Malaysia berdasarkan Jadual Input-Output 2010-2015, Jabatan Perangkaan Malaysia

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya
Untuk maklumat lanjut, layari www.bnm.gov.my

Persekitaran Ekonomi Antarabangsa

SOROTAN PENTING

- **Ekonomi global meningkat dengan sederhana pada suku ketiga 2019.**
- **Prestasi eksport negara serantau semakin lemah dalam keadaan permintaan luaran yang lebih lembap.**
- **Volatiliti pasaran kewangan meningkat disebabkan oleh perkembangan perdagangan, geopolitik dan pasaran.**

Pertumbuhan global terus sederhana


Ekonomi global berkembang pada kadar yang lebih sederhana pada suku ketiga 2019.

Di Amerika Syarikat (AS), pertumbuhan ekonominya menjadi sederhana disebabkan oleh aktiviti pelaburan yang semakin lembap berikutan sokongan fiskal yang menurun, pengeluaran perkilangan yang lebih sederhana dan ketidakpastian perniagaan yang meningkat akibat ketegangan perdagangan dengan Republik Rakyat China (RR China). Meskipun penggunaan swasta terus berdaya tahan, keadaan pasaran pekerja pula menunjukkan tanda-tanda kelembapan, dengan kadar pertumbuhan upah dan guna tenaga yang mula perlahan. Di kawasan euro, kegiatan ekonominya terus sederhana disebabkan oleh pelaburan swasta dan permintaan luaran yang terus perlahan. Penggunaan swasta juga makin sederhana, didorong oleh keadaan pasaran pekerja yang lebih lemah dan limpahan daripada kelembapan sektor perkilangan Jerman ke negara-negara kawasan euro yang lain.

Ekonomi serantau terus berdepan rintangan yang berpunca daripada kelembapan perdagangan global yang seterusnya menjejaskan permintaan luaran. Pertumbuhan RR China yang lebih sederhana disebabkan oleh perbelanjaan swasta yang lebih lemah, sebahagiannya didorong oleh limpahan kesan eksport yang berterusan lemah. Sementara itu, rangsangan dasar menyokong pelaburan awam. Pertumbuhan di Singapura menjadi sederhana sehingga mencecah paras terendahnya sejak Krisis Kewangan Global. Keadaan ini disebabkan oleh prestasi eksport yang lebih lemah yang turut menjejaskan penggunaan swasta.

Pertumbuhan dalam kebanyakan ekonomi menjadi sederhana pada S3 2019


Rajah 1: Pertumbuhan KDNK Ekonomi Terpilih



Sumber: Pihak berkuasa negara

Pertumbuhan eksport serantau lebih rendah pada S3 2019


Rajah 2: Pertumbuhan Eksport Ekonomi Terpilih (dalam Dolar AS)



Sumber: Pihak berkuasa negara

Volatiliti pasaran kewangan global meningkat

Rajah 3: Indeks Volatiliti (VIX)
Chicago Board Options Exchange (CBOE)



Sumber: Bloomberg

Eksport serantau terus menguncup

Pada suku ketiga, eksport serantau terus menguncup, mencerminkan kesan buruk akibat ketegangan perdagangan dan keadaan permintaan daripada ekonomi utama yang semakin lemah.

Eksport barangan RR China menguncup namun pada kadar yang lebih kecil sebanyak 0.4% pada suku ketiga 2019, didorong oleh prestasi eksport segmen jentera dan kelengkapan elektrik yang lemah. Walau bagaimanapun, Korea mencatatkan penguncupan eksport yang lebih besar apabila kemerosotan eksport kelengkapan dan peralatan elektronik lebih daripada mengimbangi momentum eksport kereta yang mampan.

Volatiliti pasaran kewangan lebih ketara

Pasaran kewangan mengalami beberapa episod volatiliti yang lebih ketara pada suku ketiga. Hal ini didorong oleh perkembangan perdagangan, pasaran kewangan dan geopolitik.

Faktor paling utama ialah ketegangan perdagangan antara AS dengan RR China yang meningkat dengan sangat ketara pada bulan Ogos. Perkembangan ini seterusnya menyebabkan volatiliti pasaran kewangan yang amat ketara. AS mengumumkan tariff sebanyak 30% dan 15% masing-masing ke atas import barangan dari RR China bernilai USD250 bilion dan USD300 bilion. Sebagai tindak balas, RR China mengumumkan tarif sebanyak 10% ke atas import barangan dari AS yang bernilai USD45 bilion.

Selain itu, perkembangan luar biasa dalam pasaran bon ekonomi maju utama yang berlaku serentak dengan pengumuman data ekonomi benar AS yang lebih lemah daripada jangkaan telah mencetuskan beberapa episod volatiliti dalam pasaran kewangan. Perkembangan geopolitik di Asia dan Timur Tengah meningkatkan lagi ketidakpastian ekonomi.

Harga purata minyak mentah Brent menurun kepada USD62 setong pada suku ketiga 2019 (S2 2019: USD68). Harga yang lebih rendah ini adalah berikutan kebimbangan terhadap keadaan permintaan global yang lemah telah lebih daripada mengimbangi tekanan kenaikan harga susulan langkah mengurangkan pengeluaran minyak mentah secara sukarela oleh OPEC+, serta gangguan bekalan minyak di Timur Tengah.

Perkembangan Ekonomi Malaysia

SOROTAN PENTING


- **Ekonomi Malaysia berkembang 4.4% pada suku ketiga 2019.**
- **Inflasi keseluruhan meningkat mencerminkan terutamanya luputnya kesan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (*Goods and Services Tax*, GST) pada kadar sifar, manakala inflasi teras kekal stabil.**
- **Lebihan akaun semasa berjumlah RM11.5 bilion (3.1% daripada PNK).**

Ekonomi Malaysia berkembang 4.4% pada suku ketiga 2019

Pertumbuhan ekonomi Malaysia berkembang dengan sederhana pada kadar 4.4% pada suku ketiga 2019 (S2 2019: 4.9%), terutamanya disebabkan oleh pertumbuhan sektor-sektor utama yang lebih rendah dan kemerosotan di dalam aktiviti perlombongan dan pembinaan. Dari segi permintaan, kebanyakan komponen permintaan dalam negeri dan eksport bersih mencatatkan momentum yang lebih perlahan. Berdasarkan pelarasan bermusim suku tahunan, ekonomi berkembang 0.9% (S2 2019: 1.0%).

Pertumbuhan berterusan pada S3 2019


Rajah 4: Pertumbuhan KDNK benar



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Aktiviti sektor swasta kekal sebagai pemacu utama pertumbuhan


Rajah 5: Sumbangan Komponen Perbelanjaan kepada Pertumbuhan KDNK Benar



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Pembentukan modal tetap kasar mencatatkan penguncupan

Rajah 6: Pertumbuhan PMTK Mengikut Jenis Aset



* Aset-aset lain termasuk penerokaan mineral, penyelidikan & pembangunan serta tanaman modal.

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Permintaan dalam negeri terus menjadi teras pertumbuhan, meskipun pada momentum yang lebih perlahan

Pertumbuhan permintaan dalam negeri menjadi sederhana kepada 3.5% (S2 2019: 4.6%), dengan perbelanjaan sektor swasta kekal sebagai penyumbang utama kepada pertumbuhan.

Penggunaan swasta berkembang 7.0% (S2 2019: 7.8%) apabila perbelanjaan isi rumah kembali ke paras yang wajar ke arah haluan jangka panjangnya. Hal ini sebahagiannya mencerminkan kesan asas yang kukuh berikutan perbelanjaan dalam tempoh pelepasan cukai pada tahun lepas. Namun begitu, perbelanjaan terus disokong oleh pertumbuhan pendapatan dan guna tenaga yang berterusan, serta langkah-langkah terpilih yang dilaksanakan oleh Kerajaan.

Perbelanjaan penggunaan awam meningkat 1.0% (S2 2019: 0.3%). Walaupun pertumbuhan emolumen kekal positif, perbelanjaan untuk bekalan dan perkhidmatan terus menguncup, meskipun pada kadar yang lebih kecil. Ini selaras dengan komitmen Kerajaan untuk mengoptimumkan perbelanjaan.

Pembentukan modal tetap kasar (PMTK) menguncup sebanyak 3.7% (S2 2019: -0.6%) disebabkan oleh perbelanjaan modal sektor swasta yang lebih perlahan dan penguncupan pelaburan sektor awam yang lebih besar. Dari segi jenis aset, pelaburan untuk struktur menguncup sebanyak 2.4% (S2 2019: +1.2%), sementara pelaburan untuk jentera dan kelengkapan terus menurun kepada -7.4% (S2 2019: -4.2%). Walau bagaimanapun, pelaburan dalam jenis aset lain meningkat kepada 3.6% (S2 2019: 1.0%) disebabkan terutamanya oleh perbelanjaan penyelidikan dan pembangunan (R&D) yang lebih tinggi.

Pertumbuhan pelaburan swasta berkembang sedikit pada 0.3% (S2 2019: 1.8%) akibat perbelanjaan modal yang lebih rendah di sektor ekonomi utama. Pelaburan terus terjejas akibat ketidakpastian yang semakin meningkat mengenai keadaan luaran dan kelemahan yang berterusan dalam segmen harta tanah yang luas.

Pelaburan awam kekal menguncup (-14.1%; S2 2019: -9.0%), mencerminkan perbelanjaan modal yang lebih rendah oleh Kerajaan Persekutuan dan syarikat awam.

Sektor perkhidmatan dan perkilangan terus memacu pertumbuhan ekonomi

Sektor perkhidmatan berkembang 5.9% pada suku ketiga 2019 (S2 2019: 6.1%). Kebanyakan subsektor utama mencatatkan pertumbuhan yang sederhana. Dalam subsektor perdagangan borong dan runcit, pengembangan segmen borong yang lebih kukuh diimbangi oleh pertumbuhan yang lebih rendah dalam segmen runcit dan kenderaan bermotor. Pertumbuhan dalam subsektor pengangkutan dan penyimpanan juga lebih rendah dalam keadaan aktiviti perdagangan yang semakin lemah, manakala subsektor kewangan dan insurans terjejas akibat aktiviti pembiayaan yang lebih perlahan meskipun pendapatan berasaskan fi lebih tinggi. Sementara itu, subsektor maklumat dan komunikasi mencatatkan pertumbuhan yang sederhana, mencerminkan permintaan yang lebih perlahan untuk perkhidmatan komunikasi data.

Pertumbuhan sektor perkilangan juga sederhana pada 3.6% (S2 2019: 4.3%) disebabkan oleh pertumbuhan yang lebih perlahan dalam industri E&E dan berkaitan pengguna. Dalam kelompok E&E, pengeluaran produk berkaitan elektronik terjejas akibat permintaan global yang terus lemah. Pertumbuhan yang lebih perlahan dalam industri berkaitan pengguna[1] disebabkan oleh pertumbuhan pengeluaran minyak sawit mentah dan minyak sawit ditapis yang lebih rendah. Kategori kelengkapan pengangkutan mencatatkan pertumbuhan yang lebih rendah disebabkan oleh asas yang tinggi pada tempoh pelepasan GST tahun lepas.


Sektor pertanian berkembang 3.7% (S2 2019: 4.2%) disebabkan oleh kadar pemulihan dalam pengeluaran kelapa sawit yang perlahan manakala aktiviti perhutanan dan pembalakan terus menguncup. Faktor-faktor ini lebih daripada mengimbangi peningkatan pengeluaran getah dan ternakan.

Sementara itu, sektor perlombongan menguncup 4.3% (S2 2019: +2.9%) disebabkan terutamanya oleh kerja-kerja penyenggaraan yang memberi kesan terhadap pengeluaran minyak. Hal ini telah mengimbangi sebahagian daripada pemulihan hasil gas asli yang berterusan.

Pertumbuhan dalam sektor pembinaan menguncup sebanyak 1.5% (S2 2019: +0.5%). Penyumbang utama ialah penguncupan yang lebih besar dalam subsektor bukan kediaman ekoran lebihan bekalan harta tanah komersial yang berterusan. Dalam subsektor kediaman, aktiviti terus menurun dalam keadaan bilangan harta tanah kediaman tidak terjual yang tinggi. Pertumbuhan subsektor kejuruteraan awam menjadi sederhana berikutan projek-projek petrokimia besar dan lebuh raya yang hampir siap. Pertumbuhan subsektor pertukangan khas juga lebih perlahan disebabkan oleh kerja-kerja awal yang berkurang daripada projek besar yang telah berada pada fasa kerja peringkat pertengahan.

Kebanyakan sektor ekonomi berkembang, kecuali perlombongan dan pembinaan


Rajah 7: Pertumbuhan Mengikut Sektor



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Pertumbuhan disumbang terutamanya oleh sektor perkhidmatan dan perkilangan

Rajah 8: Sumbangan kepada KDNK Benar Mengikut Sektor Ekonomi




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

[1] Pengeluaran minyak sawit mentah dan minyak sawit ditapis berada dalam kelompok berkaitan pengguna kerana produk-produk ini dikategorikan di bawah pengilangan produk makanan dalam Klasifikasi Standard Perindustrian Malaysia.

Inflasi keseluruhan yang lebih tinggi mencerminkan terutamanya luputnya kesan GST pada kadar sifar

Rajah 9: Sumbangan kepada Inflasi Keseluruhan Mengikut Komponen

Perubahan tahunan (%), Sumbangan kepada inflasi keseluruhan (mata peratusan)



- Inflasi keseluruhan (%)
- Inflasi teras[1] (%)
- Inflasi teras[1] (mata peratusan)
- Bahan api (mata peratusan)
- Kesan bersih daripada perubahan dasar cukai penggunaan (mata peratusan)
- Lain-lain[2] (mata peratusan)

[1] Pengiraan inflasi teras tidak termasuk barangan yang harganya tidak menentu dan barangan yang harganya ditadbir. Pengiraan juga tidak mengambil kira anggaran kesan langsung daripada perubahan dasar cukai penggunaan.

[2] Lain-lain termasuk barangan yang harganya tidak menentu dan barangan lain yang harganya ditadbir

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan anggaran Bank Negara Malaysia

Inflasi keseluruhan meningkat mencerminkan terutamanya luputnya kesan GST pada kadar sifar

Inflasi keseluruhan, seperti yang diukur oleh perubahan peratusan tahunan Indeks Harga Pengguna (IHP), meningkat kepada 1.3% pada S3 2019 (S2 2019: 0.7%).

Kadar inflasi yang lebih tinggi ini mencerminkan terutamanya luputnya kesan GST pada kadar sifar antara bulan Jun dan Ogos 2018. Hal ini berlaku meskipun luputnya kesan daripada pelaksanaan Cukai Jualan dan Perkhidmatan (*Sales and Services Tax*, SST) pada bulan September, yang telah menyumbang kepada penurunan inflasi keseluruhan pada bulan tersebut (September: 1.1%; Ogos: 1.5%; Julai: 1.4%).

Sumbangan negatif kepada inflasi keseluruhan daripada bahan api bertambah sedikit pada suku ketiga. Hal ini mencerminkan penurunan harga petrol RON97 dalam keadaan harga purata minyak dunia yang lebih rendah (Harga purata petrol RON97 seliter pada S3 2019: RM2.56; S2 2019: RM2.65).

Inflasi teras, yang tidak mengambil kira kesan daripada perubahan dasar cukai penggunaan, kekal stabil pada 1.5% (S2 2019: 1.6%). Tekanan inflasi yang didorong oleh permintaan pada amnya kekal stabil dan terkawal, dengan ketiadaan tekanan upah yang berlebihan dan terdapatnya lebihan kapasiti dalam stok modal.


Keadaan pasaran pekerja menyokong pertumbuhan

Keadaan pasaran pekerja terus menyokong pertumbuhan pada suku ketiga. Kadar pengangguran kekal stabil pada 3.3% (S2 2019: 3.3%) memandangkan pertambahan guna tenaga adalah seiring dengan pengembangan tenaga kerja. Pertumbuhan guna tenaga juga kekal mampan pada 2.1% (S2 2019: 2.1%).

Pertumbuhan upah sektor swasta menjadi sederhana kepada 3.8% (S2 2019: 4.2%). Hal ini disokong terutamanya oleh pertumbuhan upah perkhidmatan yang secara relatif kekal mampan (4.1%; S2 2019: 4.4%), khususnya dalam subsektor makanan dan minuman (6.0%; S2 2019: 5.8%); dan subsektor maklumat dan komunikasi (3.5%; S2 2019: 3.6%). Pertumbuhan upah perkilangan lebih sederhana (3.2%; S2 2019: 3.9%). Pertumbuhan upah yang lebih rendah kebanyakannya berlaku dalam industri yang berorientasikan eksport, khususnya dalam kelompok E&E (4.1%; S2 2019: 5.1%) dan kelompok petrokimia (2.2%; S2 2019: 3.1%).

Pertumbuhan guna tenaga yang mampan


Rajah 10: Pertumbuhan Guna Tenaga



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Pertumbuhan upah sektor swasta menjadi sederhana

Rajah 11: Upah Sektor Swasta*




* Upah sektor swasta diperoleh daripada data gaji dan upah yang diterbitkan dalam Perangkaan Pembuatan Bulanan dan Perangkaan Perkhidmatan Suku Tahunan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia. Data ini merangkumi 62.9% daripada jumlah guna tenaga.

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan anggaran Bank Negara Malaysia

Kemerosotan eksport komoditi dan E&E lebih daripada mengimbangi peningkatan dalam eksport berasaskan bukan sumber

Rajah 12: Eksport Kasar Mengikut Keluaran

Perubahan tahunan (%), Sumbangan kepada pertumbuhan (mata peratusan)




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Permintaan lebih lembap dari ekonomi serantau

Rajah 13: Eksport Kasar Mengikut Pasaran

Perubahan tahunan (%), Sumbangan kepada pertumbuhan (mata peratusan)



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Eksport terus menurun dan import menguncup dengan lebih ketara

Pada suku ketiga 2019, eksport kasar menguncup sebanyak 1.9% (S2 2019: -0.4%). Penguncupan ini mencerminkan kemerosotan eksport komoditi dan E&E, yang lebih daripada mengimbangi peningkatan dalam eksport berasaskan bukan sumber. Import kasar merosot kepada -5.8% (S2 2019: -1.4%) dan menyeluruh. Lebihan perdagangan[2] meningkat kepada RM33.5 bilion (S2 2019: RM30.4 bilion).

Pertumbuhan eksport komoditi menjadi negatif (-10.0%, S2 2019: 0.2%) disebabkan terutamanya oleh kemerosotan yang ketara dalam eksport petroleum mentah (-43.9%, S2 2019: -10.4%). Kemerosotan ini adalah disebabkan oleh penutupan sementara bagi tujuan penyelenggaraan di beberapa medan minyak terpilih dan harga minyak global yang lebih rendah. Eksport perkilangan menguncup 0.6% (S2 2019: 0.2%) susulan daripada eksport E&E dan eksport berasaskan sumber yang lebih rendah. Eksport E&E mencatatkan kemerosotan yang lebih besar (-4.9%; S2 2019: -0.6%) dalam keadaan permintaan yang lebih rendah dari RR China dan ekonomi serantau, sebahagiannya disebabkan oleh kelembapan jualan semikonduktor global dan ketegangan perdagangan yang sedang berlaku. Sebaliknya, produk berasaskan bukan sumber meningkat pada kadar yang lebih cepat (6.9%; S2 2019:1.2%), disokong oleh permintaan yang lebih tinggi terhadap alat kelengkapan pengangkutan, perkakas dan komponen jentera serta keluaran besi dan keluli.

Import barangan pengantara menguncup (-3.0%; 2Q 2019: 6.8%) pada suku ketiga disebabkan oleh import yang lebih rendah untuk perkakas elektronik dan peralatan telekomunikasi, serta bekalan perindustrian yang diproses, seperti bahan kimia dan besi. Import barangan modal mencatatkan penguncupan yang lebih besar (-15.4%; S2 2019: -8.9%) akibat kemerosotan pelaburan untuk jentera dan kelengkapan pengangkutan yang lebih besar.

[2] Perbezaan antara lebihan barangan dengan lebihan perdagangan timbul berikutan pengecualian barangan untuk diproses, penyimpanan dan pengedaran dalam akaun baranganseperti yang terdapat dalam Manual Imbangan Pembayaran dan Kedudukan Pelaburan Antarabangsa Edisi Keenam (*Balance of Payments and International Investment Position Manual,* BPM6) IMF.

Lebihan akaun semasa didorong oleh lebihan barangan yang bertambah

Lebihan akaun semasa imbangan pembayaran berjumlah RM11.5 bilion atau 3.1% daripada PNK pada suku ketiga 2019 (S2 2019: RM14.3 bilion atau 3.9% daripada PNK). Lebihan barangan yang lebih tinggi dan defisit perkhidmatan yang lebih rendah diimbangi oleh defisit pendapatan primer yang lebih besar.

Dengan kemerosotan pertumbuhan import yang melebihi eksport, lebihan akaun barangan meningkat kepada RM30.8 bilion (S2 2019: RM28.1 bilion).


Dalam akaun perkhidmatan, defisit berkurang kepada RM1.6 bilion (S2 2019: -RM3.4 bilion) pada suku ketiga. Hal ini disebabkan terutamanya oleh peningkatan dalam lebihan akaun perjalanan (RM9.5 bilion; S2 2019: RM7.1 bilion) berikutan ketibaan pelancong dan perbelanjaan per kapita pelancong yang lebih tinggi.

Akaun pendapatan primer mencatatkan defisit yang lebih besar sebanyak RM12.2 bilion (S2 2019: -RM5.5 bilion). Hal ini disebabkan oleh keuntungan yang lebih rendah diperoleh syarikat Malaysia yang melabur di luar negeri dan keuntungan lebih tinggi yang diperoleh pelabur asing di Malaysia.

Defisit dalam akaun pendapatan sekunder berjumlah RM5.5 bilion (S2 2019: -RM4.9 bilion), mencerminkan pengiriman wang keluar yang berterusan oleh pekerja asing.

Lebihan barangan bertambah


Rajah 14: Imbangan Akaun Semasa



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Pelaburan langsung luar negeri dan pelaburan langsung asing yang lebih sederhana

Rajah 15: Aliran Pelaburan Langsung Bersih Mengikut Sektor




Nota: Bagi DIA, angka positif merujuk aliran keluar bersih manakala angka negatif merujuk aliran masuk bersih.
Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan.

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Aliran keluar bersih akaun pelaburan portfolio disebabkan oleh pelabur pemastautin and bukan pemastautin

Rajah 16: Pelaburan portfolio



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Akaun kewangan mencatatkan aliran keluar bersih yang lebih kecil

Akaun kewangan mencatatkan aliran keluar bersih yang lebih kecil sebanyak RM1.3 bilion (S2 2019: -RM18.6 bilion). Pada suku ketiga, aliran keluar dalam akaun pelaburan langsung dan pelaburan portfolio diimbangi sebahagian oleh aliran masuk dalam akaun pelaburan lain. Yang ketara, pelaburan jangka panjang mencatat aliran yang lebih perlahan pada suku ketiga.

Akaun pelaburan langsung mencatatkan aliran keluar bersih yang lebih kecil sebanyak RM0.8 bilion (S2 2019: aliran keluar bersih RM8.2 bilion), terutamanya disebabkan aliran pelaburan langsung luar negeri (*direct investment abroad*, DIA) yang lebih kecil. Pada suku ketiga, DIA oleh syarikat Malaysia mencatatkan aliran keluar bersih sebanyak RM3.7 bilion (S2 2019: -RM12.6 bilion). Aliran keluar ini disalurkan terutamanya ke dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan bukan kewangan, khususnya subsektor kesenian, hiburan dan rekreasi. Pelaburan Langsung Asing (foreign direct investment, FDI) juga mencatatkan aliran masuk bersih yang lebih kecil sebanyak RM2.9 bilion (2Q 2019: +RM4.4 bilion). Meskipun suntikan modal ekuiti meningkat, peningkatan ini diimbangi oleh pembayaran dividen para pelabur langsung yang lebih tinggi, dan pembayaran balik bersih pinjaman antara syarikat kepada syarikat induk dan syarikat sekutu. FDI disalurkan terutamanya ke dalam perkhidmatan bukan kewangan, khususnya subsektor perdagangan borong dan runcit, dan sektor perkhidmatan kewangan.

Akaun pelaburan portfolio mencatatkan aliran keluar bersih sebanyak RM26.8 bilion (S2 2019: -RM10.2 bilion), berikutan aliran keluar daripada pelabur pemastautin dan bukan pemastautin. Pelapburan portfolio pemastautin di luar negeri mencatatkan aliran keluar bersih yang agak besar (RM18.9 bilion; S2 2019: -RM5.0 bilion) berikutan pembelian ekuiti dan sekuriti hutang di luar negeri oleh pelabur institusi. Bagi pelabur bukan pemastautin, meskipun aliran masuk ke dalam pasaran bon domestik (sila rujuk perkembangan dalam pasaran kewangan domestik pada muka surat 25), pembayaran balik yang disebabkan oleh kematangan sekuriti hutang antarabangsa mengakibatkan aliran keluar sebanyak RM7.9 bilion pada suku tersebut (S2 2019: -RM5.1 bilion).

Akaun pelaburan lain mencatatkan aliran masuk bersih yang lebih besar sebanyak RM25.3 bilion (S2 2019: -RM0.3 bilion) disebabkan oleh pembalikan (*reversal*) penempatan antara bank sebelum ini yang telah matang oleh bank pemastautin. Kesilapan dan ketinggalan bersih berjumlah -RM3.7 bilion, atau -0.8% dari jumlah perdagangan.

Hutang luar negeri lebih rendah

Hutang luar negeri Malaysia berjumlah RM916.4 bilion, atau 60.4% daripada KDNK pada akhir bulan September 2019 (akhir bulan Jun 2019: RM931.1 bilion atau 61.4% daripada KDNK). Hutang luar negeri yang lebih rendah ini mencerminkan terutamanya penurunan pinjaman antara syarikat. Hal ini disebabkan terutamanya oleh konsolidasi obligasi hutang bersih sebuah syarikat multinasional asing dalam sektor perlombongan. Terdapat juga pembayaran balik bersih bon dan nota pada suku ketiga.

Hutang luar negeri yang lebih rendah ini diimbangi sebahagiannya oleh pemerolehan sekuriti hutang domestik oleh bukan pemastautin dan peminjaman antara bank yang lebih tinggi. Selain itu, terdapat juga penilaian semula yang lebih tinggi susulan nilai ringgit yang lebih lemah berbanding dengan mata wang serantau dan utama pada tempoh tersebut.


Hutang luar negeri Malaysia kekal terurus berdasarkan profil mata wang dan tempoh matang hutang ini. Hampir satu pertiga daripada hutang luar negeri adalah dalam denominasi ringgit (32.9%; akhir bulan Jun 2019: 31.7%), dan ini terutamanya dalam bentuk pemegangan sekuriti hutang domestik oleh bukan pemastautin (bahagian sebanyak 62.5% hutang luar negeri dalam denominasi ringgit) dan dalam deposit ringgit (bahagian sebanyak 17.8%) dalam institusi perbankan domestik. Oleh itu, liabiliti ini tidak tertakluk pada perubahan penilaian akibat turun naik kadar pertukaran ringgit.

Baki hutang luar negeri sebanyak RM615.3 bilion atau 67.1% daripada jumlah hutang luar negeri adalah dalam denominasi mata wang asing (foreign currency, FCY). Sektor korporat mencakupi hampir separuh daripada hutang luar negeri dalam denominasi FCY dan sebahagian besarnya tertakluk pada keperluan kehematan dan perlindungan nilai.

Dari segi instrumen, 39.0% (atau RM239.6 bilion) daripada hutang luar negeri dalam denominasi FCY merupakan peminjaman antara bank dan deposit FCY dalam sistem perbankan domestik. Sebanyak 74.0% daripada peminjaman antara bank adalah dalam bentuk peminjaman antara kumpulan yang kebanyakannya stabil yang diambil daripada pejabat berkaitan di luar negeri, termasuk bank induk, pejabat serantau dan anak syarikat. Hal ini mencerminkan amalan pengurusan mudah tunai dan pendanaan berpusat oleh bank. Risiko mata

Hutang luar negeri lebih rendah pada S3 2019

Rajah 17: Perubahan dalam Hutang Luar Negeri
Perubahan bersih[1]: -RM14.6 bilion




[1] Perubahan setiap instrumen hutang tidak termasuk kesan penilaian kadar pertukaran
[2] Terdiri daripada kredit perdagangan, peruntukan SDR IMF dan liabiliti hutang lain
Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Hutang dalam denominasi mata wang asing tertakluk kepada keperluan amalan pengurusan mudah tunai berhemat dan keperluan melindung nilai

Rajah 18: Butiran Hutang Luar Negeri dalam Denominasi Mata Wang Asing (% bahagian)



[1] Termasuk kredit perdagangan dan pelbagai, seperti tuntutan insurans yang belum dibayar dan faedah belum bayar terhadap bon dan nota

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

wang asing yang diukur dari segi kedudukan terbuka bersih pendedahan[3] dalam denominasi FCY kekal rendah pada 4.1% daripada jumlah modal bank.

Bon dan nota jangka panjang yang diterbitkan di luar pesisir yang mencakupi 25.3% daripada jumlah hutang luar negeri dalam denominasi FCY, berjumlah RM155.7 bilion pada akhir bulan September 2019. Hutang luar negeri ini kebanyakannya diambil oleh syarikat bukan kewangan dan disalurkan terutamanya untuk membiayai pemerolehan aset di luar negeri. Pinjaman antara syarikat berkaitan berjumlah RM91.4 bilion dan mencakupi 14.9% daripada hutang luar negeri dalam denominasi FCY, lazimnya dikenakan syarat yang fleksibel dan pada kadar konsesi.

Dari segi tempoh matang, 57.0% daripada jumlah hutang luar negeri menjurus kepada tempoh jangka sederhana hingga jangka panjang (akhir bulan Jun 2019: 58.3%), lantas menunjukkan risiko pelanjutan (rollover risks) yang rendah. Hutang luar negeri jangka pendek mencakupi baki 43.0% daripada jumlah hutang luar negeri. Meskipun terdapat risiko pelanjutan, ia adalah terkawal dengan baik. Hampir separuh daripada hutang luar negeri jangka pendek merupakan peminjaman antara kumpulan dalam kalangan bank dan syarikat yang rata-ratanya stabil dan pada kadar konsesi, manakala 12% lagi ialah kredit perdagangan, yang sebahagian besarnya disandarkan pada perolehan eksport. Pada 31 Oktober 2019, rizab antarabangsa berjumlah USD103.2 bilion, yang mencukupi untuk membiayai 7.6 bulan import tertangguh, dan 1.1 kali hutang luar negeri jangka pendek.

[3] Merujuk jumlah agregat kedudukan mata wang asing bersih jangka pendek atau jangka panjang bagi semua mata wang di seluruh bank.

1 Rencana

Import Makanan dan Kadar Pertukaran: Tidak Seperti Yang Disangka

Oleh: Mohamad Ikmal Ahmad Nordin, Nur Aimi Abdul Ghani, Eilyn Chong and Zul-Fadzli Abu Bakar

SOROTAN PENTING

- **Malaysia merupakan pengimport bersih makanan dengan import membentuk kira-kira satu perempat daripada jumlah bekalan makanan.**
- **Import hanya merupakan satu komponen daripada jumlah kos pengeluaran; komponen lain termasuk tenaga kerja, utiliti dan logistik. Harga juga ditentukan oleh margin industri, polisi dan peraturan.**
- **Kesan pindahan kadar pertukaran ke atas harga makanan yang diimport adalah terhad dan berbeza mengikut jenis barangan dan isi rumah.**

Jika anda rasa harga barangan dapur telah meningkat dalam kunjungan anda ke pasar raya baru-baru ini, tanggapan itu mungkin tidak salah. Harga makanan di negara ini sememangnya telah meningkat, dengan kenaikan harga yang lebih ketara bagi bahan makanan tertentu yang diimport. Peningkatan harga yang berlaku serentak dengan penyusutan nilai kadar pertukaran telah menimbulkan perdebatan bahawa kenaikan harga makanan adalah disebabkan oleh penyusutan kadar pertukaran. Berpunca daripada ini, penyelesaian yang selalu dicadangkan ialah mengawal nilai ringgit dan merangsang pengeluaran tempatan bagi mengurangkan kebergantungan kepada makanan yang diimport, lantas mengehadkan sebarang tekanan harga yang timbul daripada perubahan kadar pertukaran.

Walau bagaimanapun, keadaan ini sebenarnya adalah lebih rumit. Meskipun kadar pertukaran memberikan kesan pada harga makanan, terdapat faktor lain yang penting dalam penentuan harga, dan oleh itu terdapat pelbagai cara untuk menangani keadaan ini. Rencana ini membincangkan import makanan di Malaysia dan hubungan antara harga makanan yang diimport dan kadar pertukaran, dengan mengambil kira ciri-ciri bekalan makanan global dan kerumitan dalam rantaian bekalan makanan dalam negeri.

Mengapa negara mengimport?

Seiring dengan perkembangan ekonomi global yang semakin terbuka dan saling berhubung kait, dinamik import dan eksport turut menjadi lebih kompleks. Secara teori, sesebuah negara boleh mendapat manfaat daripada pengkhususan dalam barangan yang mampu dihasilkan sendiri pada kos melepas (*opportunity cost*) yang lebih rendah daripada negara lain. Walau bagaimanapun, dari segi amalan, kos melepas merupakan hanya satu daripada beberapa pertimbangan yang perlu diambil kira apabila ingin mengeluarkan makanan untuk keperluan dalam negeri. Sebagai contoh, sesebuah negara lazimnya memberikan subsidi kepada aktiviti pertanian dan menggubal sekatan perlindungan untuk melindungi kawasan pertanian yang penting. Mereka juga melibatkan diri dalam pengeluaran makanan di dalam negeri untuk menjamin kelangsungan bekalan makanan dan melindungi rantaian bekalan makanan mereka daripada sebarang gangguan.

Begitu juga, sesebuah negara mengimport makanan atas pelbagai sebab. Antaranya adalah untuk mendapatkan barangan makanan yang tidak terdapat di dalam negara itu sendiri, memenuhi permintaan pengguna yang berubah-ubah, memperoleh barangan yang lebih berkualiti, mendapatkan input bagi pengeluaran tempatan (contohnya jagung untuk makanan ternakan ayam), dan mendapatkan barangan serupa yang secara relatif adalah lebih murah. Atas sebab yang pelbagai ini, kebanyakan negara terikat dalam rangkaian perdagangan makanan yang global.


Yang penting, kebanyakan negara sedikit sebanyak mengimport barangan makanan, termasuklah negara pengeksport bersih makanan. Kajian tentang perdagangan makanan global menganjurkan dua kaedah alternatif untuk memastikan ketersediaan dan kemampuan bagi mendapatkan makanan: pendekatan pertama yang lebih menonjol dalam perbincangan awam ialah pengeluaran kendiri untuk mengurangkan kebergantungan kepada import dan daripada gangguan dalam rantaian bekalan makanan global. Pendekatan kedua adalah untuk meningkatkan kuasa beli sesebuah negara dengan memberikan tumpuan kepada produktiviti eksport dan menggunakan pendapatan daripada eksport untuk membeli makanan dalam pasaran dunia. Pendekatan ini mengesyorkan supaya sesebuah negara itu berpegang pada kelebihan berbanding (*comparative advantage*) mereka dan mengeluarkan barangan yang kosnya secara relatif lebih rendah dalam kawasan masing-masing.

Secara praktikal, sesebuah negara menggunakan kedua-dua pendekatan itu. Ekonomi seperti Kesatuan Eropah (*European Union,* EU) merupakan pengeksport bersih makanan, namun masih mempunyai import kasar makanan yang agak besar (lihat Rajah 1). Hal ini kerana pengeluaran makanan moden bersifat perindustrian, dan seperti kebanyakan barangan perindustrian, ia melibatkan rantaian bekalan yang luas dengan pelbagai input. Mana-mana satu input itu boleh didapati daripada kawasan yang menawarkannya pada kos yang paling rendah. Oleh itu, kebergantungan import untuk barang makanan tertentu mungkin menjadi ciri yang sukar dielak dalam ekonomi yang terbuka dan global.

Ekonomi lain pula mungkin memilih strategi produktiviti eksport keseluruhan untuk membeli makanan kerana mereka mempunyai imbangan perdagangan yang positif meskipun merupakan pengimport bersih makanan. Strategi ini dikenal pasti sebagai 'memastikan ketersediaan makanan', yang mengambil kira semua sumber bekalan selain daripada pengeluaran dalam negeri, termasuklah import, bantuan makanan dan stok makanan[1]. Pendek kata, sesebuah negara bergantung kepada import untuk sebahagian daripada rantaian bekalan makanan mereka, meskipun tahapnya berbeza antara satu negara dengan negara yang lain. Imbangan perdagangan yang negatif untuk makanan juga tidak semestinya dilihat sebagai masalah kerana beberapa negara mengurangkan keutamaan pada pengeluaran makanan dalam negeri, sebaliknya menggunakan kelebihan berbanding mereka untuk mendapatkan hasil eksport daripada barangan dan perkhidmatan lain bagi memperoleh makanan dalam pasaran global.

Kebanyakan negara mempunyai import makanan kasar yang besar, termasuk pengeksport bersih untuk makanan

Rajah 1: Import Makanan dan Imbangan Perdagangan pada tahun 2018



Sumber: Global Trade Atlas, https://www.gtis.com/gta, Jabatan Perangkaan Malaysia

[1] Kementerian Luar Negeri Belanda (2011), m.s.15.

Import makanan di Malaysia: Berapa banyak kita mengimport?


Sejak lima tahun yang lalu, defisit perdagangan makanan dan minuman meningkat dengan sederhana (2018: RM18.8 bilion; 2013: RM16.9 bilion). Meskipun import telah meningkat daripada RM43 bilion pada tahun 2013 kepada RM54 bilion pada tahun 2018 (Kadar pertumbuhan tahunan terkumpul, CAGR, 2013-18: 4.7%), eksport telah meningkat pada kadar yang lebih cepat, daripada RM26 bilion pada tahun 2013 kepada RM35 bilion pada tahun 2018 (CAGR, 2013-18: 6.2%)[2].

Pada hakikatnya, untuk banyak bahan makanan asas, pengeluaran makanan di Malaysia cukup untuk menampung penggunaan dalam negeri. Daripada 33 produk pertanian yang biasa digunakan, 16 mempunyai nisbah sara diri (*self-sufficiency ratio*, SSR) melebihi 100%[3]. Hal ini menunjukkan bahawa untuk bahan makanan ini, pengeluaran dalam negeri adalah mencukupi bagi memenuhi penggunaan tempatan. Jika dilihat dengan lebih teliti, Malaysia juga merupakan pengeksport bersih untuk separuh daripada makanan ini (lihat Rajah 2), yang menunjukkan bahawa tanggapan 'kebergantungan pada import'[4] yang meluas adalah tidak tepat.

Dari segi import, bahagian kandungan import dalam jumlah bekalan makanan ialah 24%[5]. Peratusan ini termasuk komponen import untuk pengeluaran dalam negeri (9%) dan import barangan siap (15%). Sememangnya, bekalan sesetengah makanan seperti daging lembu dan kobis bulat sebahagian besarnya perlu diimport dari negara lain. Secara kebetulan, bahan makanan yang bergantung pada import ini juga mencatatkan kadar inflasi yang melebihi paras purata sejak sedekad yang lalu (lihat Rajah 3). Sebaliknya, bahan makanan seperti daging ayam dan telur yang mempunyai nisbah sara diri yang tinggi menunjukkan kenaikan harga yang pada amnya selaras dengan inflasi keseluruhan. Walau bagaimanapun, terdapat hubungan bukan linear antara kebergantungan import dengan kenaikan harga. Sebagai contoh, meskipun kebergantungan import untuk daging lembu adalah lebih tinggi daripada

Banyak bahan makanan asas menghampiri tahap sara diri yang penuh

Rajah 2: Nisbah Sara Diri dan Eksport/Import Bersih, Bahan Makanan Terpilih



* Nota: Import dan nisbah sara diri untuk beras adalah berdasarkan angka pada tahun 2016. Ikan mackerel terdiri daripada tiga spesis berbeza iaitu kembung, pelaling, dan tenggiri, seperti yang terkandung dalam pengiraan Jabatan Perangkaan Malaysia

Sumber: Akaun Pembekalan dan Penggunaan bagi Komoditi Pertanian Terpilih Malaysia 2013-2017, Jabatan Perangkaan Malaysia

[2] Kadar pertumbuhan tahunan terkumpul (*compound annual growth rate*, CAGR) bagi pertumbuhan import benar pada tahun 2013-2018: 2.2% dan pertumbuhan eksport benar pada tahun 2013-2018: 3.7%. Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia.

[3] SSR ialah ukuran untuk menunjukkan sejauh mana pengeluaran makanan sesebuah negara bergantung kepada import. Secara lebih teknikal, ia merujuk kepada nisbah pengeluaran makanan dalam negeri kepada jumlah bekalan yang tersedia. Lebih tinggi nisbahnya, lebih tinggi peratusan pengeluaran dalam negeri. Sumber: Akaun Pembekalan Dan Penggunaan Komoditi Pertanian Terpilih Malaysia, Tahun 2013-2017, Jabatan Perangkaan Malaysia.


[4] Kebergantungan import membawa konotasi bahawa sesebuah ekonomi itu sangat bergantung kepada import untuk memenuhi keperluan penggunaan dalam negeri.

[5] Jumlah bahagian import dikira berdasarkan purata berwajaran 17 industri berkaitan dengan makanan kecuali minyak dan lemak. Sumber: Jadual Input-Output 2010-2015, Jabatan Perangkaan Malaysia.

kelapa, kenaikan harganya pada tempoh tahun 2010-2018 adalah lebih rendah daripada kenaikan harga santan segar. Hal ini menunjukkan bahawa faktor lain turut mempengaruhi harga akhir kepada pengguna selain daripada pergerakan kadar pertukaran.

Hubungan antara kebergantungan import dan kenaikan harga adalah bukan linear

Rajah 3: Kadar Pertumbuhan Tahunan Terkumpul (CAGR) IHP untuk Bahan Makanan Terpilih, 2010-18



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan anggaran Bank Negara Malaysia

Penentu harga makanan: Apakah faktor yang terlibat?

Dengan mengambil kira keseluruhan rantaian pengeluaran, import merupakan hanya satu komponen daripada jumlah kos pengeluaran. Pengeluaran pertanian meliputi beberapa faktor utama, termasuklah bahan mentah dan input, tenaga kerja, utiliti dan logistik (lihat Rajah 4). Sebagai contoh, pengeluaran kobis bulat melibatkan kos dalam bentuk biji benih dan baja (input), tenaga kerja ladang, bil air dan elektrik, dan akhir sekali, kos logistik untuk menghantar sayur-sayuran dari ladang ke kedai runcit.

Lazimnya, import mengambil bentuk bahan mentah atau input, yang sebahagian daripadanya tidak boleh didapati di dalam negeri. Pengeluaran beberapa bahan makanan memerlukan input pengantara seperti biji benih untuk buah-buahan dan sayur-sayuran, atau lembu hidup untuk industri daging lembu. Dalam industri daging lembu, pengusaha tempatan hanya memainkan peranan sebagai pemproses dan pengedar, manakala penternakan dan pembiakan sebenarnya dijalankan di luar negeri. Seperti yang diterangkan di atas, sejauh mana sesuatu input itu diimport akan berbeza mengikut jenis makanan; bagi sesetengah bahan makanan, input yang diimport mungkin merupakan bahan yang sangat penting, manakala bagi bahan makanan yang dikeluarkan dalam negeri, tahap penggunaan tenaga pekerja atau kerumitan logistik mungkin lebih mempengaruhi kos pengeluaran.

Oleh sebab barangan makanan merupakan komoditi yang didagangkan pada peringkat global, permintaan dan penawaran global turut menjadi penentu penting harga import. Faktor asas ini berperanan sebagai pemacu turun naik harga makanan dunia yang berada di luar kawalan sesebuah negara. Oleh itu, sesuatu harga boleh meningkat meskipun kadar pertukaran tidak berubah. Sebagai contoh, harga daging lembu yang diimport dari India telah meningkat sejak beberapa tahun kebelakangan ini, disebabkan oleh peningkatan permintaan dari negara seperti RR China dan Indonesia, walaupun sebelum ini Malaysia merupakan pengimport tunggal daging lembu dari India[6]. Harga global untuk ikan dan makanan laut juga telah meningkat sejak beberapa tahun kebelakangan ini apabila penawaran berkurang dan permintaan terus meningkat[7].

[6] Suruhanjaya Persaingan Malaysia (2019), m.s. 102.

[7] Pertubuhan Makanan dan Pertanian Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (*Food and Agricultural Organization of the United Nations,* FAO) (2019), *Globefish Highlights.*

Pengeluaran makanan melibatkan beberapa peringkat, yang kesemuanya mempengaruhi kos dan harga akhir

Rajah 4: Ilustrasi faktor-faktor penentuan harga dalam rantaian bekalan makanan pertanian



Sumber: Berdasarkan kajian Suruhanjaya Eropah (*European Commission*) (2009) dan Suruhanjaya Persaingan Malaysia (2019)

Margin merupakan faktor terakhir dalam penentuan harga pengguna. Secara teori, margin mencerminkan tahap kuasa pasaran, namun secara praktiknya pengenalpastian kuasa pasaran adalah perkara yang mencabar kerana beberapa kelompok pemusatan mungkin wujud meskipun industri secara keseluruhannya terdiri daripada banyak peserta. Namun begitu, kaji selidik oleh Suruhanjaya Persaingan Malaysia (*Malaysia Competition Commission*, MyCC) yang dijalankan baru-baru ini mengenal pasti import lembu dan daging lembu, pengeluaran susu bayi, serta pengedaran ikan dan sayur-sayuran sebagai industri yang mempunyai pemusatan yang tinggi, yang mungkin memberikan kuasa pasaran yang berlebihan kepada peserta-pesertanya.

Dalam industri daging lembu yang lebih daripada 70% bekalannya diimport, lebih daripada 50% jumlah import pada tempoh tahun 2014-2018 dibekalkan oleh lima pengimport daging lembu. Pemusatan yang tinggi ini berterusan meskipun pasaran terdiri lebih daripada 80 buah syarikat. Hal yang sama juga didapati untuk lembu hidup iaitu hanya dua pengimport sahaja sudah mencakupi lebih daripada 50% jumlah import[8]. MyCC menyuarakan kebimbangan bahawa pemusatan ini berkemungkinan memberikan kuasa pengaruh ke atas bekalan dan penentuan harga pasaran, seterusnya mengurangkan kuasa tawar menawar pembeli. Laporan ini turut mendapati bahawa harga borong dan runcit untuk daging lembu yang diimport tidak menurun walaupun kadar pertukaran menambah nilai daripada bulan Januari 2017 sehingga pertengahan tahun 2018. Hal ini menunjukkan bahawa hubungan antara import, kadar pertukaran dan harga tidak semudah yang disangkakan. Dan yang merumitkan lagi situasi ini, harga pasaran juga akan ditentukan oleh dasar awam dan peraturan (cth. piawaian kesihatan dan keselamatan), yang akhirnya boleh memberikan kesan langsung ke atas perkembangan harga.

[8] Suruhanjaya Persaingan Malaysia (2019), m.s. 97-98.

Kadar pertukaran: Berapa besarkah peranannya?


Anggaran kesan pindahan kadar pertukaran kepada harga makanan yang diimport di Malaysia[9] menunjukkan bahawa seperti yang dijangka, penyusutan kadar pertukaran efektif nominal (*nominal effective exchange rate*, NEER) dikaitkan dengan kadar inflasi yang lebih tinggi untuk barang makanan yang diimport. Walau bagaimanapun, kesan pindahan ini adalah terhad kerana pergerakan kadar pertukaran menerangkan sebahagian sahaja daripada perubahan harga.

Yang penting, kesan pindahan kepada setiap barangan import sebenarnya berbeza. Sebagai contoh, kesan pindahan kadar pertukaran kepada inflasi yang diimport sepanjang tempoh 12 bulan secara purata dianggarkan kira-kira 26% untuk ikan kembung, berbanding dengan 8% bagi epal[10]. Kesan sebenar pergerakan kadar pertukaran terhadap perbelanjaan isi rumah seterusnya akan berbeza dan bergantung pada komposisi penggunaan makanan setiap isi rumah. Secara purata, satu perempat daripada penggunaan makanan bulanan isi rumah terdiri daripada barangan yang mempunyai kandungan import yang tinggi, dan pergerakan kadar pertukaran akan memberi kesan secara langsung pada harga barangan tersebut (lihat Rajah 5). Secara keseluruhan, penyusutan nilai NEER sebanyak 10% dianggarkan menyebabkan kenaikan sebanyak 0.3-0.4% bagi perbelanjaan makanan.

Namun begitu, perlu diperhatikan bahawa anggaran ini tidak termasuk sebarang kesan tidak langsung seperti kesan daripada barangan bahan api atau kos pengangkutan yang lebih tinggi untuk makanan di luar rumah. Isi rumah mungkin juga menyimpang daripada purata ini sekiranya mereka menggemari dan membeli lebih banyak makanan yang diimport (cth. beras yang diimport, sayur-sayuran premium, dan sebagainya) atau memilih lebih banyak makanan berkandungan import tinggi, maka dedahan mereka kepada kos import akan meningkat.

Secara purata, barangan dengan kandungan import yang tinggi membentuk 26% daripada kumpulan barang penggunaan makanan isi rumah

Rajah 5: Komposisi Penggunaan Makanan Isi Rumah Menurut IHP (%)



[1] Barangan yang mempunyai kandungan import yang tinggi dikategorikan sebagai barangan makanan diimport bersih terpilih berdasarkan statistik imbangan perdagangan, tidak termasuk barangan yang harganya ditadbir. Angka pecahan tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan.

[2] Lain-lain termasuk minuman, makanan laut, minyak, gula dan manisan, dan penyediaan makanan lain.

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan anggaran Bank Negara Malaysia

[9] Spesifikasi empirik mengawal harga makanan diimport bagi tempoh sebelumnya dan inflasi di negara rakan import. Harga makanan diimport dianggarkan dengan menggunakan indeks berwajaran barangan IHP yang mempunyai SSR kurang daripada 95%.

[10] Angka ini berdasarkan anggaran yang menggunakan data inflasi suku tahunan dari S1 2010 hingga S3 2019 berasaskan perubahan dalam NEER, yang mengawal kebermusiman, jurang keluaran, jurang antara gaji dan produktiviti, inflasi di negara rakan import, dan harga komoditi berkaitan apabila perlu.

Sebaliknya, isi rumah juga mungkin mula mengubah pola penggunaan dan menggantikannya dengan pilihan yang lebih berpatutan, yang seterusnya akan mengurangkan kesan penyusutan kadar pertukaran kepada perbelanjaan isi rumah. Akhirnya, kadar pertukaran mempunyai sumbangan yang terhad terhadap perubahan harga makanan, dan sejauh mana isi rumah merasai kesan penyusutan kadar pertukaran akan bergantung kepada komposisi kumpulan barang dalam penggunaannya.

Digenggam takut mati, dilepaskan takut terbang

Setelah mengambil kira semua faktor, seperti ekonomi kecil lain yang terbuka, Malaysia akan menghadapi dilema dalam situasi import makanan. Situasi ini boleh dirumuskan melalui peribahasa 'digenggam takut mati, dilepaskan takut terbang', iaitu berada dalam keadaan yang serba salah - tidak berbuat sesuatu atau berbuat sesuatu untuk menyelesaikan masalah mungkin akan membawa akibat yang tidak diingini.

Dari satu segi, tidak boleh dinafikan bahawa makanan tertentu yang mempunyai kebergantungan import yang tinggi tertakluk kepada turun naik kadar pertukaran. Harga untuk bahan makanan seperti daging lembu, ikan, makanan laut dan sayur-sayuran tertentu, yang sebahagian besarnya diimport, telah meningkat sejak beberapa tahun yang lalu dan merupakan makanan yang lazim dimakan oleh pengguna.

Walau bagaimanapun, rencana ini mengingatkan pembaca tentang dua tanggapan yang salah. Pertama, andaian terhadap status 'pengimport bersih' dan kadar pertukaran sebagai satu-satunya pemacu harga makanan. Pada keseluruhannya, Malaysia mempunyai keupayaan sara diri untuk banyak barangan makanan meskipun jumlah kandungan import untuk makanan (24%) tidak kecil. Perubahan kepada status pengeksport bersih makanan mungkin tidak dapat mengikis keperluan negara terhadap bahan yang diimport dan pengaruh kadar pertukaran. Seperti yang telah dihuraikan sebelum ini, pergerakan kadar pertukaran hanya mempengaruhi sebahagian sahaja daripada harga makanan dan faktor lain mungkin sama penting atau lebih penting.

Kedua, kita mesti berhati-hati apabila mengatakan bahawa penambahan nilai kadar pertukaran adalah penyelesaian kepada semua masalah berkaitan kenaikan harga makanan. Kadar pertukaran adalah pemboleh ubah makroekonomi yang penting dan ditentukan oleh pelbagai faktor asas seperti perbezaan kadar faedah dan inflasi, lebihan dan defisit akaun semasa dan sektor awam, serta prestasi ekonomi keseluruhan. Pergerakan sewenang-wenangnya yang berlaku dalam paras mata wang akan meninggalkan kesan ke atas harga eksport dan import, dan mendatangkan akibat yang ketara ke atas kedudukan kewangan syarikat Malaysia.

Sebaliknya, keputusan untuk tidak berbuat apa-apa juga akan membawa risiko kerana harga makanan yang lebih tinggi akan menambahkan beban kos sara hidup pengguna. Masalah kenaikan harga makanan perlu ditangani secara komprehensif; mengurangkan import sahaja tidak semestinya akan mengakibatkan harga menjadi lebih rendah, terutama sekali apabila input yang diimport ialah komponen penting dalam kos pengeluaran bahan makanan di dalam negeri. Selain itu, ketiadaan skala ekonomi berbanding dengan negara pengeluar makanan yang lain mungkin boleh menjadi halangan untuk mencapai tahap sara diri dalam pengeluaran makanan. Dalam hal ini, pendekatan yang lebih praktikal adalah untuk mengimport bahan makanan pada kos yang lebih murah.

Dengan mengambil kira beberapa peringkat yang terlibat dalam pengeluaran makanan, dasar-dasar dalam negeri yang disarankan pada masa ini adalah tepat pada masanya dan wajar. Saranan itu termasuk mempelbagaikan sumber import, memperkemas peraturan dan memodenkan teknologi pengeluaran dan pengedaran. Meskipun mengambil masa untuk direalisasikan, langkah-langkah tersebut akan dapat menangani isu struktur yang menjadi teras kepada masalah bekalan makanan di Malaysia sejak beberapa dekad.

Rujukan

Suruhanjaya Eropah (2009), *The functioning of the food supply chain and its effect on food prices in the European Union, Occasional Papers 47*

Pertubuhan Makanan dan Pertanian Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (2019), *Globefish Highlights April 2019*

Pertubuhan Makanan dan Pertanian Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (2003), *Trade Reforms and Food Security: Conceptualizing the Linkages*

Suruhanjaya Persaingan Malaysia (2019), *Market Review on Food Sector in Malaysia under the Competition Act 2010*

Kementerian Luar Negeri Belanda (2011), *Improving food security: A systematic review of the impact of interventions in agricultural production, value chains, market regulation, and land security*

Perkembangan Monetari dan Kewangan

SOROTAN PENTING

- **Ringgit menyusut nilai pada suku ketiga didorong oleh kegiatan penghindaran risiko pada peringkat global.**
- **Prestasi pasaran bon dan ekuiti domestik berbeza di tengah-tengah pelonggaran dasar monetari pada peringkat global dan ketegangan perdagangan yang meruncing.**


Prestasi pasaran kewangan domestik bercampur-campur pada suku ketiga

Prestasi pasaran kewangan domestik pada suku ketiga bercampur-campur, sebahagian besarnya mencerminkan perubahan sentimen dan kesanggupan pelabur untuk mengambil risiko di tengah-tengah gabungan pelbagai faktor luaran. Meskipun berlaku pelonggaran dasar monetari pada peringkat global, ketegangan perdagangan yang meruncing dan kebimbangan terhadap prospek pertumbuhan global telah membawa kepada kegiatan penghindaran risiko yang terus meningkat dalam kalangan pelabur pasaran kewangan.

Kesannya, dolar AS pada amnya menjadi lebih kukuh berbanding dengan mata wang lain, didorong sebahagiannya oleh permintaan pelabur yang berterusan terhadap aset selamat (*safe haven assets*). Akibatnya, ringgit menyusut nilai sebanyak 1.1% berbanding dengan dolar AS pada suku ketiga, sejajar dengan mata wang serantau.

Ringgit menyusut nilai berbanding dengan dolar AS sejajar dengan kebanyakan mata wang serantau


Rajah 19: Prestasi Mata Wang Serantau Berbanding dengan Dolar AS (1 Julai - 30 September 2019)



Sumber: Bank Negara Malaysia

Keluk kadar hasil Sekuriti Kerajaan Malaysia menurun dalam keadaan pelonggaran dasar monetari pada peringkat global


Rajah 20: Trend Kadar Hasil Sekuriti Kerajaan Malaysia



Sumber: Bank Negara Malaysia

Prestasi pasaran ekuiti menurun sejajar dengan trend serantau

Rajah 21: Prestasi Pasaran Ekuiti Serantau



Sumber: Bloomberg

Pasaran ekuiti dan bon domestik mencatatkan prestasi berbeza yang disebabkan oleh perkembangan global ini. Khususnya, FBM KLCI merosot 5.3% untuk ditutup pada 1,584 mata pada akhir bulan September (akhir bulan Jun 2019: 1,672 mata), manakala kadar hasil Sekuriti Kerajaan Malaysia (*Malaysian Government Securities,* MGS) 3 tahun, 5 tahun dan 10 tahun menurun masing-masing sebanyak 19.3, 19.7 dan 29.5 mata asas. Prestasi pasaran ekuiti domestik yang lebih lemah adalah sejajar dengan trend serantau kerana kegiatan penghindaran risiko pada peringkat global yang meningkat telah menjejaskan kebanyakan indeks ekuiti pasaran sedang pesat membangun. Walau bagaimanapun, kadar hasil bon domestik menurun didorong oleh aliran masuk bukan pemastautin ke dalam pasaran bon domestik berikutan kegiatan penghindaran risiko pada peringkat global menyebabkan perubahan pilihan kepada pemegangan aset kewangan yang lebih selamat, seperti bon kerajaan. Kadar hasil bon yang lebih rendah juga didorong oleh jangkaan pelonggaran dasar monetari yang terselaras pada peringkat global. Di samping itu, keputusan untuk mengekalkan Malaysia dalam *FTSE Russell World Government Bond Index* (WGBI) telah memperkukuh sentimen pasaran bon pada akhir suku ketiga.


Kadar pinjaman runcit terus menurun pada suku ketiga, mencerminkan kesan pindahan OPR selanjutnya

Kadar faedah nominal dalam pasaran borong mengalami tekanan menurun pada suku ketiga, mencerminkan jangkaan pasaran terhadap kemungkinan pengurangan Kadar Dasar Semalaman (*Overnight Policy Rate,* OPR). Khususnya, KLIBOR 3 bulan menurun sebanyak 8 mata asas kepada 3.38% (S2 2019: 3.46%). Dalam pasaran runcit, meskipun kadar asas (base rate, BR) purata berwajaran kekal stabil pada 3.68% (S2 2019: 3.68%), kadar pinjaman purata (*average lending rate*, ALR) berwajaran pinjaman terkumpul menurun kepada 5.18% (S2 2019: 5.23%). Hal ini mencerminkan kesan pindahan selanjutnya berikutan pengurangan OPR pada bulan Mei 2019.

Kadar deposit tetap (*fixed deposit*, FD) benar meningkat pada bulan September 2019, disebabkan oleh inflasi keseluruhan yang secara relatif lebih rendah pada bulan tersebut. Khususnya, kadar FD benar 3 bulan dan 12 bulan meningkat masing-masing kepada 1.75% (Jun 2019: 1.40%) dan 1.99% (Jun 2019: 1.59%).

Kadar faedah terpilih menurun pada suku ketiga


Rajah 22: Kadar Dasar, Kadar Antara Bank dan Kadar Pinjaman (pada akhir tempoh)



Sumber: Bank Negara Malaysia dan Bloomberg

Kadar deposit benar meningkat, mencerminkan inflasi yang lebih rendah pada bulan September


Rajah 23: Kadar Deposit Tetap Benar mengikut Kematangan (pada akhir tempoh)



Sumber: Bank Negara Malaysia

Lebihan mudah tunai ringgit terkumpul di Bank kekal stabil


Rajah 24: Mudah Tunai Ringgit Terkumpul di Bank Negara Malaysia pada akhir tempoh



Sumber: Bank Negara Malaysia

Pengembangan berterusan pembiayaan bersih

Rajah 25: Sumbangan kepada Pertumbuhan Pembiayaan Bersih



* Tidak termasuk terbitan oleh Cagamas dan bukan pemastautin

Sumber: Bank Negara Malaysia

Mudah tunai sistem perbankan kekal mencukupi untuk menyokong pengantaraan kewangan

Tahap lebihan mudah tunai yang ditempatkan di Bank secara relatif kekal stabil, mencerminkan aliran masuk bersih yang kecil pada suku ketiga. Pada peringkat institusi, kebanyakan bank terus mengekalkan kedudukan lebihan mudah tunai dengan Bank.

Pengurangan Nisbah Keperluan Rizab Berkanun (*Statutory Reserve Requirement*, SRR) daripada 3.50% kepada 3.00% yang berkuat kuasa pada 16 November 2019 akan menghasilkan suntikan mudah tunai secara meluas dalam sistem perbankan. Langkah ini akan terus menyokong pasaran kewangan domestik untuk berfungsi dengan cekap serta memudahkan pengurusan mudah tunai yang berkesan oleh institusi perbankan.

Pengembangan pembiayaan bersih berterusan pada suku tahun

Pada suku ketiga, pembiayaan bersih berkembang 4.8% pada asas tahunan (S2 2019: 5.6%), dalam keadaan pertumbuhan pinjaman[4] yang terus sederhana. Pertumbuhan bon korporat[5] terkumpul meningkat 9.0% pada suku ketiga (S2 2019: 10.6%), dengan sebahagian besar terbitan daripada sektor kewangan, insurans, harta tanah dan perkhidmatan perniagaan. Pinjaman perniagaan terkumpul mencatatkan pertumbuhan 1.6% pada asas tahunan (S2 2019: 2.7%). Pengeluaran pinjaman yang stabil kepada sektor perkilangan, perdagangan borong dan runcit, restoran dan hotel serta pembinaan telah menyokong pertumbuhan pinjaman dalam sektor-sektor ini. Walau bagaimanapun, pertumbuhan pinjaman dalam sektor harta tanah menguncup sejajar dengan keadaan segmen harta tanah yang terus lemah. Permintaan terhadap pembiayaan perniagaan terus bertambah baik dengan pertumbuhan yang lebih tinggi dalam permohonan pinjaman[6] pada suku itu (11.9%, S2 2019: 3.9%). Bagi segmen isi rumah, pinjaman terkumpul meningkat 4.6% (S2 2019: 4.8%) dengan lebih banyak pinjaman dikeluarkan untuk pembelian harta kediaman dan penggunaan peribadi.

[4] Pinjaman daripada sistem perbankan dan institusi kewangan pembangunan (IKP).
[5] Bon korporat tidak termasuk terbitan oleh Cagamas dan bukan pemastautin.
[6] Permohonan pinjaman kepada sistem perbankan sahaja.

2 Rencana

Harapan Terhadap Bank: Adakah Pemberian Pinjaman Mencukupi?

Oleh: Syairah Hanin Shaharuddin, Lim Sheng Ling, Nurjannah Ahmat, 'Aliya' Yasmin Hanafi, Junaidah Yusof and Kiesha Ooi

SOROTAN PENTING

- **Pemberian pinjaman secara keseluruhannya sederhana selepas tempoh pertumbuhan kredit yang memberangsangkan**
- **Bank masih menyediakan pinjaman kepada segmen yang berpotensi membayar balik**
- **Permohonan pinjaman yang ditolak mencerminkan isu lebih besar yang berkaitan dengan kemampuan memiliki rumah dan membayar balik pinjaman**

Pengenalan

Sejak tempoh kebelakangan ini, pertumbuhan kredit menunjukkan trend yang semakin sederhana. Perkembangan ini lantas menimbulkan persoalan sama ada bank memberikan pinjaman yang mencukupi untuk menyokong ekonomi Malaysia. Turut dipersoalkan ialah sejauh mana bank telah menjadi terlalu berhati-hati berhubung dengan piawaian pemberian pinjaman. Rencana ini cuba mengupas persoalan-persoalan ini dari pelbagai perspektif, yang meliputi trend pemberian pinjaman[1], kesanggupan bank untuk mengambil risiko, dan profil permohonan pinjaman yang ditolak.

Pemberian pinjaman secara keseluruhannya lebih sederhana selepas tempoh pertumbuhan kredit yang memberangsangkan[2]

Pinjaman terkumpul (*outstanding loans*) sistem perbankan telah mencatatkan pertumbuhan yang lebih sederhana. Pada akhir bulan September 2019, pertumbuhan tahunan pinjaman terkumpul daripada sistem perbankan adalah sederhana pada 3.8% (2017: 4.1%, 2018: 5.6%) (Rajah 1).

Pertumbuhan kredit yang sederhana ini mencerminkan trend struktur dan kitaran. Dari segi struktur, pertumbuhan pinjaman diberikan oleh bank adalah lebih stabil pada paras yang lebih sederhana berbanding dengan tempoh pertumbuhan kredit yang tinggi antara tahun 2010 hingga 2014 — tempoh kredit penggunaan dan pemberian pinjaman harta tanah yang amat memberangsangkan (Rajah 1). Pengembangan kredit yang semakin sederhana ini mencerminkan hasil daripada strategi dasar yang teliti dan berhati-hati untuk mengurus risiko tahap hutang isi rumah yang tinggi dan membendung kegiatan spekulasi yang keterlaluan dalam pasaran perumahan di Malaysia[3] (Rajah 2). Sejak tahun 2016, pembiayaan peribadi dan pinjaman perumahan bagi isi rumah menunjukkan peningkatan yang lebih selaras dengan pendapatan, masing-masing sebanyak 3-5% dan 7-9%. Pertumbuhan ini lebih rendah daripada paras tertinggi yang pernah dicatatkan, iaitu 20.5% dan 13.4% (Rajah 3 dan 4).

---

[1] Penggunaan istilah "pinjaman", "kredit", "pemberian pinjaman" dan "pembiayaan" yang digunakan dalam rencana ini boleh ditukar ganti dan merujuk pinjaman yang diberikan oleh bank, termasuk pembiayaan yang diberikan oleh bank-bank Islam.

[2] Jika tidak dinyatakan secara khusus, data yang digunakan dalam bahagian ini telah diselaraskan untuk mengecualikan bank perdagangan berlesen yang baharu. Pelarasan ini membolehkan analisis perbandingan yang bermakna bagi penunjuk pinjaman merentas masa.

[3] Merujuk langkah-langkah kehematan makro dan mikro awalan yang dilaksanakan oleh Kerajaan dan BNM mulai tahun 2010. Langkah ini termasuklah pelaksanaan nisbah pinjaman kepada nilai (*loan-to-value*, LTV) bagi pinjaman perumahan, tempoh maksimum pinjaman, Garis Panduan Pemberian Pinjaman yang Bertanggungjawab, dan kenaikan Cukai Keuntungan Harta Tanah bagi penjualan harta tanah. Untuk ringkasan mengenai langkah ini, rujuk rencana dalam Laporan Kestabilan Kewangan dan Sistem Pembayaran Bank Negara Malaysia 2017 bertajuk "Dibelenggu Hutang: Penilaian Terhadap Tahap Hutang dan Penampan Kewangan Isi Rumah".

Sementara itu, pelaburan sektor perniagaan dalam harta tanah[4] yang lebih rendah turut menyebabkan pertumbuhan pinjaman perniagaan yang lebih sederhana (Rajah 5). Dari segi kitaran, pertumbuhan kredit juga merupakan fungsi permintaan untuk kredit dan ini selaras dengan kitaran ekonomi. Permintaan untuk kredit menjadi sederhana dalam beberapa tahun kebelakangan ini. Perkembangan ini selaras dengan aktiviti ekonomi dalam negeri yang lebih sederhana dalam keadaan sentimen yang lemah, ketidakpastian yang sedang dihadapi dan risiko yang lebih tinggi akibat perkembangan dalam persekitaran global (Rajah 6).

Analisis dari perspektif penawaran menunjukkan bahawa pinjaman yang dikeluarkan (*loans disbursed*) kepada sektor swasta masih setara dengan purata pinjaman tiga tahun yang lalu (tahun 2016 -18) (Rajah 7). Hal ini menunjukkan bahawa kredit yang tersedia untuk ekonomi pada amnya tidak berkurang. Selepas pinjaman diselaraskan mengikut aktiviti ekonomi bagi setiap tempoh, pengeluaran pinjaman kepada semua segmen ekonomi dalam tempoh kebelakangan ini didapati menurun sedikit ke bawah paras purata jangka panjang[5] (Rajah 8). Hal ini mencerminkan kesan lat (*lagged effects*) permintaan kredit yang lembap akibat permintaan untuk pinjaman yang lebih rendah pada suku-suku tahun sebelumnya. Keadaan pasaran harta tanah yang kian lembap juga telah memberikan kesan ke atas pemberian pinjaman oleh bank. Walau bagaimanapun, permohonan pinjaman yang bertambah baik sejak suku kedua 2019 berpotensi merangsang pengeluaran pinjaman yang lebih tinggi pada masa akan datang.

Bank masih bersedia untuk memberikan pinjaman kepada segmen ekonomi yang berpotensi membayar balik[6]

Pada asasnya, bank sememangnya ingin memberikan pinjaman untuk menjana pendapatan. Pendapatan faedah bersih bank di Malaysia khususnya, mencakupi bahagian terbesar (64.8%) daripada pendapatan kasar mereka. Sejak bertahun-tahun yang lalu, dorongan untuk memberikan pinjaman menjadi semakin kuat lebih-lebih lagi apabila margin keuntungan bank menerima tekanan yang lebih besar berikutan persaingan sengit dalam kalangan bank untuk mendapatkan bahagian pasaran. Disebabkan margin yang mengecil, keupayaan bank untuk meningkatkan jumlah pemberian pinjaman merupakan faktor yang semakin penting untuk mengekalkan tahap keuntungan mereka.

Hal ini juga jelas dalam trend kelulusan pinjaman. Secara purata, bank meluluskan kira-kira tiga daripada empat permohonan pinjaman perumahan yang diterima. Pada tahun 2019[7] sahaja, bank meluluskan pinjaman perumahan sebanyak RM119 bilion kepada kira-kira 273,000 orang peminjam, iaitu jauh lebih tinggi daripada paras kelulusan tiga tahun yang lalu bagi tempoh masa yang sama. Hampir separuh daripada pinjaman perumahan yang diluluskan adalah untuk pemilik rumah pertama. Pembahagian pinjaman yang ditolak pada amnya sama seperti pembahagian permohonan pinjaman bagi semua kumpulan pendapatan (Rajah 9). Hal ini menunjukkan bahawa akses kepada kredit masih disediakan tanpa mengira segmen pendapatan. Kajian oleh BNM terhadap amalan pemberian pinjaman oleh bank mengesahkan bahawa apabila membuat penilaian kemampuan permohonan pinjaman, bank mengambil kira keadaan kewangan tertentu seseorang peminjam.

Dalam segmen perusahaan kecil dan sederhana (PKS), bank meluluskan antara tujuh hingga lapan permohonan daripada setiap sepuluh permohonan pinjaman yang diterima. Pada tahun 2019, nilai pinjaman yang diluluskan adalah sebanyak RM50 bilion, lebih tinggi daripada purata tiga tahun yang lalu sebanyak RM48 bilion bagi tempoh masa yang sama. Kelulusan pinjaman ini telah memberikan manfaat kepada kira-kira 76,000 PKS. Bank-bank juga telah melonggarkan syarat-syarat cagaran dan menurunkan kadar pembiayaan untuk PKS sepanjang tahun ini. Langkah ini adalah sejajar dengan

[4] Merujuk pembelian harta kediaman dan harta bukan kediaman. Pertumbuhan pinjaman perniagaan untuk pembiayaan akhir harta tanah mencecah paras tertinggi pada 23.8% dalam tempoh tahun 2010-14.

[5] Merujuk tempoh tahun 2006-18, tidak termasuk tempoh masa pertumbuhan kredit yang kukuh antara tahun 2010-14. Sisihan kepada paras di bawah purata jangka panjang baru-baru ini kekal dalam satu sisihan piawai untuk perniagaan dan PKS, tetapi lebih nyata dalam segmen isi rumah yang berada pada paras yang tinggi sedikit daripada satu sisihan piawai mulai suku kedua 2019.

[7] Merujuk bulan Januari - September.

penilaian lebih holistik terhadap kedudukan pendapatan dan aliran tunai PKS. Penggunaan kaedah penilaian kredit yang inovatif seperti penilaian psikometrik berserta penampan kewangan yang utuh telah memperkukuh tahap kesediaan dan keupayaan bank untuk terus memberikan kredit kepada ekonomi.

Khususnya, bahagian kredit PKS kepada KDNK PKS di Malaysia ialah 63%, yang nyata lebih tinggi daripada ekonomi utama yang lain (Rajah 10). PKS juga merupakan pemacu pertumbuhan strategik bagi kebanyakan bank. Hal ini dibuktikan oleh trend menaik yang berterusan dalam bahagian pinjaman PKS daripada jumlah pinjaman semua perniagaan sejak tahun 2010 (Rajah 11). Bank-bank juga masih menjadi sumber utama pembiayaan luar bagi PKS dengan mencakupi lebih 92% daripada jumlah pembiayaan untuk PKS.

Permohonan pinjaman yang ditolak mencerminkan isu lebih besar yang berkaitan dengan kemampuan memiliki rumah dan membayar balik pinjaman

Meskipun bank masih memberikan pinjaman dan menerima pakai alat penilaian risiko yang lebih teguh untuk mengenal pasti kemampuan membayar balik peminjam, hasil kajian menunjukkan rekod pembayaran balik yang buruk selain kebimbangan mengenai aliran tunai dan hutang yang berlebihan merupakan faktor-faktor utama permohonan pinjaman PKS dan isi rumah ditolak[8].

Bagi pinjaman perumahan, penolakan didapati berpunca daripada masalah lebih besar yang berkaitan dengan kemampuan memiliki rumah. Isu ini jelas dilihat daripada data yang menunjukkan 72% daripada permohonan pinjaman yang ditolak adalah untuk tujuan pembelian rumah yang harganya nyata jauh di luar kemampuan pemohon jika dibandingkan dengan paras pendapatan mereka[9] (Rajah 12).

Bagi PKS, penolakan pinjaman lazimnya dialami oleh perniagaan yang baru dimulakan, yang tidak mempunyai penyata kewangan yang lengkap dan mencatatkan nilai perniagaan bersih yang negatif[10]. Kajian[11] terhadap permohonan yang ditolak mengesahkan perkara ini. Kedudukan kewangan yang lemah dan kebimbangan mengenai daya maju perniagaan merupakan sebab utama bank menolak permohonan pinjaman oleh PKS (Rajah 13). Malah, beberapa perniagaan tertentu, khususnya perniagaan yang baru dimulakan dan perniagaan berisiko tinggi, dianggap kurang sesuai untuk menerima pembiayaan daripada institusi pengambil deposit seperti bank. Ketidakpastian yang tinggi terhadap prestasi perniagaan sedemikian adalah bertentangan dengan ciri-ciri deposit yang seharusnya dibayar atas permintaan (*payable on demand*). Situasi ini lantas mendorong bank untuk melindungi keselamatan deposit pada setiap masa. Oleh yang demikian, PKS dalam segmen tersebut terus berdepan kadar penolakan permohonan pinjaman yang secara relatif lebih tinggi.

Menyedari akan hakikat kekangan tersebut di pihak bank, BNM dengan kerjasama Syarikat Jaminan Kredit (*Credit Guarantee Corporation*, CGC) dan Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), menubuhkan Khidmat Nasihat Pembiayaan (MyKNP) untuk membantu mereka yang tidak berjaya dalam permohonan pembiayaan. Melalui MyKNP, PKS dan pemohon pembiayaan perumahan yang tidak berjaya masing-masing akan dirujuk kepada MyKNP@CGC dan MyKNP@AKPK untuk mendapatkan khidmat nasihat mengenai faktor penyebab permohonan mereka ditolak, dan juga cara untuk meningkatkan kelayakan bagi mendapatkan pembiayaan pada masa hadapan serta sumber pendanaan dan penyelesaian alternatif yang boleh digunakan.

---

[8] Sumber: Kaji selidik yang dijalankan oleh Bank Negara Malaysia, imSME dan SME Corp

[9] Untuk huraian lanjut mengenai pelbagai kaedah untuk membuat penilaian kemampuan pemilikan rumah, rujuk rencana dalam Laporan Tahunan Bank Negara Malaysia 2016 bertajuk "Pencerahan Terhadap Isu Rumah Mampu Milik di Malaysia".


[10] Untuk perbincangan lanjut mengenai keperluan can cabaran pembiayaan oleh PKS, rujuk rencana bertajuk " Memahami Pembiayaan Melalui Lensa Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS)" dalam Laporan Kestabilan Kewangan dan Sistem Pembayaran BNM 2018.

[11] Penilaian penyeliaan dijalankan untuk menentukan sama ada bank terlalu konservatif apabila menilai permohonan pinjaman daripada PKS. Kajian ini meliputi sampel rawak 691 kes PKS yang permohonannya ditolak, dan merangkumi beberapa kumpulan perbankan.

Rumusannya


Meskipun pinjaman terkumpul hanya meningkat sederhana dan terdapat tanggapan bahawa piawaian pemberian pinjaman yang digunakan oleh bank terlalu ketat, data pengeluaran dan kelulusan pinjaman sebaliknya menunjukkan bank masih bersedia untuk memberikan pinjaman kepada isi rumah dan perniagaan yang berpotensi membayar balik. Malah, jumlah kredit yang diberikan adalah secara amnya sejajar dengan keadaan ekonomi semasa. Pertumbuhan pinjaman yang lebih sederhana baru-baru ini merupakan suatu perkara yang lazim lebih-lebih lagi selepas tempoh pertumbuhan kredit yang tinggi, dan merupakan hasil yang dijangkakan daripada strategi dasar yang teliti dan berhati-hati dalam pengurusan risiko tahap hutang isi rumah yang tinggi dan kegiatan spekulasi dalam segmen harta kediaman. Selain itu, kajian rapi terhadap permohonan pinjaman yang ditolak juga membuktikan bahawa penolakan tersebut sebenarnya amat berkait rapat dengan masalah yang lebih besar iaitu kemampuan memiliki rumah dan membayar balik pinjaman dan bukannya berpunca daripada sikap bank yang terlalu berhati-hati dalam memberikan pinjaman. Pada masa yang sama, usaha untuk memastikan piawaian pemberian pinjaman yang bertanggungjawab dipatuhi masih penting untuk mengelakkan sektor ekonomi dan kewangan daripada lebih terdedah kepada kejutan, selain untuk meningkatkan daya tahan bank, isi rumah dan perniagaan. Hal ini amat penting untuk menyokong pertumbuhan ekonomi negara melalui kitaran kewangan dan perniagaan, dan akhirnya kebajikan seluruh rakyat Malaysia.

Rajah 1: Pinjaman Terkumpul Sistem Perbankan dan KDNK Benar




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Rajah 2: Hutang Isi Rumah Terkumpul




Nota: Diberikan oleh bank, institusi kewangan pembangunan (IKP) dan institusi kewangan bukan bank (IKBB) utama
Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 3: Pinjaman Isi Rumah Terkumpul




Nota: Data Indeks Harga Rumah Malaysia (IHRM) terkini bagi S2 2019 ialah data awalan
Sumber: Haver Analytics, Pusat Maklumat Harta Tanah Negara dan Bank Negara Malaysia

Rajah 4: Pertumbuhan Pinjaman Isi Rumah dan Pendapatan




Nota: Data gaji dan upah adalah pada asas tahunan sahaja dan bermula dari tahun 2010 dan seterusnya
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Rajah 5: Pinjaman Perniagaan Terkumpul




Nota: Data Indeks Harga Rumah Malaysia (IHRM) terkini bagi S2 2019 ialah data awalan
Sumber: Haver Analytics, Pusat Maklumat Harta Tanah Negara dan Bank Negara Malaysia

Rajah 6: Permohonan Pinjaman dan Permintaan Dalam Negeri




Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 7: Pengeluaran Pinjaman



Sumber: Bank Negara Malaysia


Rajah 8: Nisbah Pengeluaran Pinjaman kepada KDNK




Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 9: Komposisi Permohonan dan Penolakan Pinjaman Perumahan Mengikut Kumpulan Pendapatan

Bahagian Permohonan Pinjaman Perumahan Mengikut Kumpulan Pendapatan




Bahagian Penolakan Pinjaman Perumahan Mengikut Kumpulan Pendapatan



Sumber: Bank Negara Malaysia


Rajah 10: Nisbah Kredit PKS kepada KDNK PKS*



*Merujuk data KDNK PKS terkini yang tersedia dari 2012 - 2018


Sumber: Anggaran Bank Negara Malaysia berdasarkan data dari Financing SMEs and Entrepreneurs: An OECD Scoreboard (2019), World Bank, DOSM, China MSME Finance Report 2018 dan Deloitte Southeast Asia (2015) Digital Banking for SMEs

Rajah 11: Bahagian Pinjaman PKS Terkumpul kepada Pinjaman Perniagaan Terkumpul



Sumber: Bank Negara Malaysia


Rajah 12: Permohonan Pinjaman Perumahan Ditolak mengikut Kemampuan[1]



[1] Dengan menggunakan kaedah *Median Multiple*, kemampuan merujuk nisbah harga rumah kepada pendapatan tahunan isi rumah

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia, Pusat Maklumat Harta Tanah Negara dan Bank Negara Malaysia

Rajah 13: Lima Sebab Utama Permohonan Pinjaman PKS Ditolak



Sumber: Bank Negara Malaysia

Rujukan

Bank Negara Malaysia (2015), "Financial Imbalances and Policy Responses in Malaysia", Bank Negara Malaysia Annual Report 2014.

Bank Negara Malaysia (2017), "Demystifying the Affordable Housing Issue in Malaysia", Bank Negara Malaysia Annual Report 2016.

Bank Negara Malaysia (2017), "The Role of Alternative Finance to Fund the Needs of a New Economy", Bank Negara Malaysia Financial Stability and Payment Systems Report 2016.

Bank Negara Malaysia (2019), "Understanding Financing through the Lens of Small and Medium Enterprises (SMEs)", Bank Negara Malaysia Financial Stability and Payment Systems Report 2018.

Pertimbangan Dasar oleh Bank Negara Malaysia

SOROTAN PENTING

- **MPC mengekalkan Kadar Dasar Semalaman (OPR) pada 3.00% pada mesyuarat bulan Julai, September dan November 2019, berdasarkan penilaian bahawa pendirian dasar monetari semasa kekal akomodatif dan menyokong aktiviti ekonomi.**

OPR kekal akomodatif

Jawatankuasa Dasar Monetari (*Monetary Policy Committee*, MPC) mengekalkan Kadar Dasar Semalaman (*Overnight Policy Rate*, OPR) pada 3.00% pada mesyuarat bulan Julai, September dan November 2019. Pada tahap OPR ini, pendirian dasar monetari kekal akomodatif dan menyokong aktiviti ekonomi.

Ekonomi global berkembang pada kadar yang lebih sederhana dalam keadaan peningkatan perlahan yang lebih serentak merentas ekonomi maju dan ekonomi sedang pesat membangun. Pada masa hadapan, ketegangan geopolitik, ketidakpastian dasar dan pertikaian perdagangan yang berlarutan boleh menjejaskan lagi volatiliti pasaran kewangan dan seterusnya mempengaruhi prospek pertumbuhan global. Pelonggaran dasar monetari dan langkah-langkah dasar yang lain dijangka memberikan sokongan kepada pertumbuhan.

Pertumbuhan ekonomi Malaysia pada tahun 2019 dijangka tetap berada dalam lingkungan anggaran dan pertumbuhan dijangka berterusan menjelang tahun 2020. Pertumbuhan dijangka terus dipacu oleh perbelanjaan sektor swasta yang teguh. Unjuran ini masih tertakluk pada risiko pertumbuhan akan menjadi lebih rendah, berpunca terutamanya daripada ketidakpastian mengenai keadaan ekonomi dan kewangan global serta kelemahan dalam sektor berkaitan dengan komoditi.

Pada tahun 2020, purata inflasi keseluruhan dijangka lebih tinggi tetapi kekal pada kadar yang sederhana. Walau bagaimanapun, trajektori inflasi keseluruhan akan terus bergantung pada perkembangan harga minyak dan harga komoditi sedunia. Inflasi asas dijangka kekal stabil kerana disokong oleh kegiatan ekonomi yang terus berkembang dan ketiadaan tekanan permintaan yang besar.

MPC akan terus menilai imbangan risiko terhadap prospek pertumbuhan dalam negeri dan inflasi untuk memastikan pendirian dasar monetari terus kondusif terhadap pertumbuhan yang berterusan dalam keadaan harga yang stabil.

Sorotan dasar lain pada suku ketiga 2019

Sorotan dasar	Keperluan penting
Nisbah Pendanaan Stabil Bersih (NSFR) – Dokumen Dasar	• NSFR memastikan bank menggunakan sumber pendanaan yang stabil bagi membiayai aktiviti mereka, lantas menyokong pertumbuhan aset yang mampan. • Dasar ini akan berkuat kuasa pada 1 Julai 2020.
Tadbir Urus Syariah – Dokumen Dasar	• Dokumen dasar ini bertujuan untuk mempertingkatkan keberkesanan pelaksanaan tadbir urus Syariah dalam institusi kewangan Islam dengan memberi penekanan terhadap keperluan berhubung dengan – o peranan dan tanggungjawab lembaga pengarah, jawatankuasa Syariah dan fungsi utama yang terlibat dalam memastikan pematuhan Syariah secara menyeluruh; o tahap profesionalisme dan kebebasan jawatankuasa Syariah; dan o kualiti fungsi kawalan dalaman bagi pengurusan risiko ketidakpatuhan Syariah yang berkesan. • Dokumen dasar ini akan berkuat kuasa pada 1 April 2020, dengan tempoh peralihan selama tiga tahun diberikan bagi keperluan had tempoh pelantikan ahli jawatankuasa Syariah.
Tadbir Urus Korporat untuk IKP – Draf Dedahan	• Draf dedahan ini dikeluarkan pada 23 Ogos 2019 untuk mendapatkan maklum balas orang ramai mengenai keperluan yang lebih kukuh bagi lembaga pengarah yang mantap dan berkesan, dengan tumpuan lebih besar terhadap budaya pengurusan risiko yang teguh dan keperluan penzahiran mandat IKP dan rangka kerja penilaian prestasi. • Cadangan utama termasuk keperluan untuk – o mengukuhkan struktur pengurusan yang menggalakkan akauntabiliti dan ketelusan; o menerapkan budaya korporat yang menggalakkan tingkah laku beretika, berhemat dan profesional; dan o penzahiran yang lebih tinggi meliputi mandat dan rangka kerja penilaian prestasi. • Dokumen dasar ini dijangka dikeluarkan pada bulan November 2019.
Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan (AML/CFT) – Perniagaan Perkhidmatan Wang (Sektor 3) (Dokumen Tambahan No. 2) – Dokumen Dasar	• Dokumen dasar ini menggariskan keperluan minimum bagi pengurup wang berlesen yang menyediakan perkhidmatan perniagaan pengurupan wang melalui saluran dalam talian atau saluran mudah alih menggunakan Kenali Pelanggan Anda Menerusi Platform Digital (*electronic Know-Your-Customer*, e-KYC) untuk mendaftar pelanggan baharu. • Dasar ini bertujuan untuk memastikan langkah-langkah dan sistem kawalan AML/CFT yang berkesan dan mantap tersedia bagi pengurup wang berlesen membina hubungan perniagaan dan mengenal pasti pelanggan melalui saluran elektronik tanpa bersemuka. • Dokumen dasar ini berkuat kuasa pada 19 September 2019.
Pengurusan Risiko dalam Teknologi (RMiT) – Dokumen Dasar	• Dokumen dasar ini akan berkuat kuasa pada 1 Januari 2020, dan menggariskan keperluan Bank terhadap pengurusan risiko teknologi oleh institusi kewangan. • Empat teras utama keperluan ini ialah – o pengawasan yang berkesan oleh lembaga pengarah terhadap risiko IT dan siber; o barisan pertahanan kedua yang teguh bagi pengurusan risiko teknologi yang berkesan; o pengaturan yang cukup untuk memastikan penyediaan perkhidmatan yang berterusan dan infrastruktur IT yang berdaya tahan; dan o daya tahan siber yang lebih kukuh terhadap risiko-risiko berkaitan dengan teknologi baharu yang bakal dihadapi.

Tinjauan Makroekonomi

SOROTAN PENTING

- **Aktiviti ekonomi global menjadi lebih sederhana pada tahun 2019, dengan jangkaan pemulihan yang agak lemah pada tahun 2020.**
- **Pertumbuhan ekonomi Malaysia bagi tahun 2019 dan 2020 pada amnya mampan.**
- **Purata inflasi keseluruhan bagi tahun 2020 dijangka lebih tinggi tetapi kekal pada kadar yang sederhana.**


Pertumbuhan global menjadi lebih sederhana pada tahun 2019, dengan jangkaan pemulihan yang agak lemah pada tahun 2020

Pertumbuhan global dijangka lebih sederhana pada tahun 2019 dan bertambah baik sedikit pada tahun 2020 walaupun berdepan dengan rintangan yang berpunca daripada perdagangan global yang lemah dan permintaan dalam negeri yang lebih lembap dalam ekonomi utama. Walau bagaimanapun, prospek bagi tahun 2020 agak lemah dan didorong oleh jangkaan pertumbuhan lebih pantas ekonomi sedang pesat membangun yang terdedah kepada kejutan serta tertakluk kepada ketidakpastian.

Pertumbuhan ekonomi AS dijangka sederhana, disebabkan terutamanya oleh aktiviti pelaburan yang semakin menyusut. Pertumbuhan penggunaan swasta dijangka menjadi lemah berikutan keadaan pasaran pekerja yang lembap. Di kawasan euro, prestasi sektor perkilangan di Jerman yang terus lemah boleh memberikan kesan limpahan negatif kepada negara-negara kawasan euro yang lain. Hal ini diburukkan lagi oleh permintaan global yang semakin sederhana. Walaupun prospek pertumbuhan di RR China dan negara serantau terjejas akibat permintaan luaran yang lemah, dasar-dasar domestik yang menyokong pertumbuhan dijangka mengimbangi kadar pertumbuhan yang semakin sederhana.

Pertumbuhan global menjadi sederhana pada 2019 dan bertambah baik sedikit pada 2020

Rajah 26: Pertumbuhan KDNK



r Ramalan

Sumber: Prospek Ekonomi Dunia Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) (Oktober 2019)

Imbangan risiko terhadap prospek pertumbuhan global terus cenderung ke arah penyusutan, berpunca terutamanya daripada ketegangan perdagangan yang meruncing dan perkembangan geopolitik yang semakin ketara.

Ekonomi Malaysia dijangka terus mencatatkan pertumbuhan mampan pada tahun 2019 dan 2020

Ekonomi Malaysia terus berkembang pada suku ketiga, menjadikan purata prestasi pada tiga suku pertama tahun ini kepada 4.6%. Kadar pertumbuhan dijangka mampan untuk tempoh seterusnya tahun ini dan 2020. Perbelanjaan isi rumah akan terus menjadi pemacu utama pertumbuhan, disokong oleh pertumbuhan guna tenaga dan pendapatan yang berterusan. Pertumbuhan pelaburan swasta dijangka sederhana, disokong sebahagiannya oleh pelaksanaan projek-projek yang diluluskan. Pelaburan awam akan merencatkan pertumbuhan pada kadar yang lebih kecil, ekoran peningkatan dalam perbelanjaan modal yang telah dirancang terutamanya dalam segmen pengangkutan. Dalam sektor luaran, sokongan daripada eksport bersih dijangka sederhana memandangkan pertumbuhan import dijangka meningkat lebih cepat daripada pertumbuhan eksport sejajar dengan aktiviti pelaburan yang diunjurkan bertambah baik.

Imbangan risiko terhadap pertumbuhan terus cenderung untuk meningkat dan ini berpunca daripada ketegangan perdagangan yang berlarutan, ketidakpastian mengenai keadaan ekonomi dan kewangan global serta kelemahan dalam sektor berkaitan dengan komoditi.

Purata inflasi keseluruhan pada tahun 2020 dijangka lebih tinggi tetapi kekal pada kadar yang sederhana

Purata inflasi keseluruhan pada tahun 2019 dijangka rendah. Bagi tempoh seterusnya tahun ini, inflasi keseluruhan akan mencerminkan impak menurun berikutan luputnya kesan daripada SST dan penetapan harga siling bagi harga runcit bahan api domestik sehingga akhir tahun 2019.

Menjelang tahun 2020, purata inflasi keseluruhan dijangka lebih tinggi tetapi kekal pada kadar yang sederhana. Jangkaan ini mencerminkan luputnya impak daripada perubahan dasar cukai penggunaan, pemansuhan harga siling bahan api dalam keadaan prospek harga minyak dunia yang secara relatif lemah dan langkah-langkah dasar yang sedia ada untuk membendung harga makanan. Walau bagaimanapun, trajektori inflasi keseluruhan akan bergantung pada perkembangan harga minyak dan harga komoditi sedunia.

Inflasi asas dijangka kekal stabil, disokong oleh kegiatan ekonomi yang terus berkembang dan ketiadaan tekanan permintaan yang besar.